

PREMIS DAN PENGARAH SYARIKAT DIDENDA RM 55,000.00 DI MAHKAMAH SESYEN, MELAKA

14 Februari 2022, MELAKA - Satu premis cadangan pemerolehan kembali luar tapak buangan terjadual telah disabitkan kesalahan di Mahkamah Sesyen, Melaka pada hari ini.

Tertuduh didapati telah menjalankan aktiviti kerja tanah dan membuat tapak untuk membina tangki bagi pemerolehan kembali buangan minyak terpakai tanpa mendapat kelulusan Laporan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIA) daripada Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekeliling. Tertuduh telah mengaku bersalah ke atas pertuduhan di bawah Seksyen 34A(6), Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan dijatuhkan hukuman denda sebanyak RM 55,000.00.

Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka tidak akan berkompromi terhadap penjenayah yang melakukan sebarang jenis pencemaran alam sekitar. Sebarang aduan boleh hubungi di talian bebas tol 1-800-88-2727, email ke aduan_k@doe.gov.my atau ke portal aduan <https://eaduan.doe.gov.my/eaduan/index.php>.

#KementerianAlamSekitarDanAir

#JabatanAlamSekitar

#jasnegerimelaka

#AlamSekitarTanggungjawabBersama